

BERITA HARIAN



Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Datuk Dr A Xavier Jayakumar. - NSTP/Danial Saad

Pindaan Akta 655 bendung pencemaran sumber air

PUTRAJAYA: Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) akan dipinda bagi mempertingkatkan penguatkuasaan dalam membendung insiden pencemaran sumber air.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Datuk Dr A Xavier Jayakumar, berkata Jawatankuasa Tindakan dan Pemantauan Pencemaran Sumber Air dalam mesyuarat pertamanya di sini, hari ini bersetuju Akta 655 dipinda bagi memantapkan aspek penguatkuasaan.

Antaranya berkaitan kuasa menahan orang dan merampas kenderaan yang disyaki mencemarkan lurang kumbahan.

“Jawatankuasa juga mahu denda lebih tinggi dikenakan bagi kesalahan pembuangan kumbahan dan sebagainya ke lurang kumbahan,” katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa itu, yang ditubuhkan susulan insiden pencemaran sumber air membabitkan Sungai Selangor pada Julai tahun lalu.

Ia dianggotai wakil Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Polis Diraja Malaysia, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengangkutan Jalan dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) serta wakil beberapa negeri.

Jawatankuasa itu berperanan menyelaras kerjasama antara agensi yang terbabit dalam melaksanakan penguatkuasaan selaras bidang kuasa masing-masing secara bersepadu.

Xavier berkata, pindaan itu dijangka dibentangkan pada persidangan Dewan Rakyat, Oktober depan.

Dalam pada itu, beliau berkata kementerian menggiatkan usaha mengumpul data syarikat industri bagi mengekang insiden pencemaran sumber air di Selangor.

Bagi tujuan itu, katanya, Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) diarahkan mengumpul data berkaitan jenis perusahaan dan sisa buangan daripada perusahaan.

Melalui data itu, tindakan segera dapat diambil terhadap pihak berkenaan sekiranya berlaku pencemaran di loji IWK. – BERNAMA